

During the year, the completion of the CUF and the Loop 2 pipeline contributed substantially to the increase in the net book value of the Company's assets from RM9.7 billion to RM9.9 billion. This resulted in a 7.6% increase in the Net Tangible Asset per share from RM2.91 to RM3.13.

As at 31 March 2001, the paid-up share capital of PGB had increased to RM1,978.7 million from the issuance of new shares upon conversion of warrants which were completed on 17 August 2000. The Company also repaid its RM800 million Redeemable Unsecured Islamic Debt Securities utilising the proceeds from the warrant conversion during the year. The Rating Agency Malaysia had reviewed and maintained the short-term rating of P1 for the Company's RM500 million existing Murabahah Notes Issuance Facility (MUNIF). The rating reflected PGB's gas processing and transmission dominance in the high-growth natural gas sector in Malaysia, with very low market risks and highly stable earnings. It was also an indication of its extremely strong cash flow and sound financial flexibility.

The second RM900 million MUNIF had been assigned a short-term rating of MARC-1_{ID} and a long-term rating of AAA_{ID} by the Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC), indicating a very high likelihood and extremely high ability for timely payment respectively. MARC had also assigned a long-term rating of AAA_{ID} for the Al-Bai' Bithaman Ajil Bond Issuance Facility.



One of the regular dialogue session between the MD/CEO and staff at the regional office

Salah satu sesi dialog di antara Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dengan kakitangan di pejabat serantau



On-going installation works of ethane pipeline project in Kertih

Kerja pemasangan projek saluran paip etana di Kertih

Prestasi Kewangan

Untuk tahun dalam kajian, Syarikat memperoleh hasil yang lebih rendah sebanyak RM1,772.4 juta, menyusut sebanyak 4.4% daripada RM1,853.5 juta pada tahun kewangan yang lalu. Ini sejajar dengan kesan yang dijangkakan daripada penyemakan semula Perjanjian Pemprosesan dan Penyaluran Gas. Keuntungan sebelum cukai menurun sebanyak 36.6% daripada RM1,047.2 juta kepada RM663.9 juta akibat caj susut nilai yang lebih tinggi yang ditanggung oleh kemudahan barunya bagi operasi setahun penuh. Akibatnya, keuntungan selepas cukai susut sebanyak 41.9% daripada RM816.7 juta kepada RM474.4 juta.

Pada tahun tersebut, CUF dan saluran paip gelung 2 yang telah siap banyak menyumbang kepada peningkatan nilai buku bersih aset Syarikat daripada RM9.7 bilion kepada RM9.9 bilion. Ini menyebabkan peningkatan sebanyak 7.6% pada Aset Ketara Bersih sesaham daripada RM2.91 kepada RM3.13.

Pada 31 Mac 2001, modal saham berbayar PGB meningkat kepada RM1,978.7 juta daripada terbitan saham baru setelah penukaran waran yang disempurnakan pada 17 Ogos 2000. Syarikat juga membayar balik Sekuriti Hutang Islam Boleh Tebus Tak Bercagar yang bernilai RM800 juta dengan menggunakan hasil kutipan daripada penukaran waran pada tahun tersebut.

Agensi Penarafan Malaysia telah mengkaji semula dan mengekalkan penarafan jangka pendek P1 untuk Kemudahan Terbitan Nota Murabahah (MUNIF) Syarikat bernilai RM500 juta yang sedia ada. Penarafan tersebut menunjukkan pemprosesan dan penyaluran gas PGB menguasai pertumbuhan tinggi sektor gas asli di Malaysia, dengan risiko yang sangat rendah dan perolehan yang amat stabil. Ia juga menunjukkan aliran tunai yang sangat kukuh dan kefleksibelan kewangan yang teguh.



Plant operations training
for new intake
Latihan mengenai operasi
loji bagi pengambilan baru



Inside the
control room of
CUF Kertih

Di dalam bilik
kawalan CUF
Kertih

The ratings were accorded based on the Company's dominant position in the gas processing and transmission business, its stability of earnings afforded by a long-term Gas Processing and Transmission Agreement, its low commodity risk, efficient operations, strong financial profile and excellent credit of its principal shareholder, PETRONAS which holds more than 60% of its equity.

Dividends

During the year, the Board of Directors declared an interim tax-exempt dividend of 10 sen per share for the year ended 31 March 2001 (2000: tax-exempt dividend of 10 sen per share). This was paid on 19 December 2000.

The Directors have proposed a final tax-exempt dividend of 10 sen per share amounting to RM197.9 million (2000: 10 sen per share amounting to RM182.1 million) to shareholders. This will be subject to approval of members at the forthcoming Annual General Meeting.

PGB : A Vital Link in the Gas Value Chain

As the sole supplier of processed gas, PGB plays a significant role in the Gas Value Chain. PGB currently supplies and transports gas to the power and non-power customers with the power sector accounting for 70% of the consumption of

MUNIF kedua yang bernilai RM900 juta telah diberi penarafan jangka pendek MARC-1_{ID} dan kadaran jangka panjang AAA_{ID} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC), dengan masing-masing menunjukkan kemungkinan dan keupayaan yang sangat tinggi untuk dibayar balik tepat pada waktunya. MARC juga telah memberikan kadaran jangka panjang AAA_{ID} untuk Kemudahan Terbitan Bon Al-Bai'Bithaman Ajil.

Penarafan tersebut diberikan berasaskan kedudukan Syarikat yang kukuh dalam perniagaan pemprosesan dan penyaluran gas, kestabilan perolehannya sebagai hasil daripada Perjanjian Pemprosesan dan Penyaluran Gas, risiko komoditinya yang rendah, operasi yang cekap, profil kewangan yang kukuh dan kredit pemegang saham utamanya yang terbaik, iaitu PETRONAS, yang memegang lebih daripada 60% ekuitinya.

Dividen

Pada tahun tersebut, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim yang dikecualikan daripada cukai sebanyak 10 sen sesaham bagi tahun berakhir 31 Mac 2001 (tahun 2000: dividen yang dikecualikan daripada cukai adalah sebanyak 10 sen sesaham). Dividen ini dibayar pada 19 Disember 2000.

Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir yang dikecualikan daripada cukai sebanyak 10 sen sesaham yang berjumlah